

CADANGAN TAMAN PERMAINAN KANAK-KANAK

PERINGKAT TADIKA

Oleh:

MAZLAN BIN JUNAIDI

MOHAMMED ROSEDIN BIN KHALID

Satu Kajian Akhir Yang Disediakan Untuk Memenuhi
Sebahagian Dari Syarat Untuk Penganugerahan
Diploma Perancang Bandar dan Wilayah

Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah
Kajian Senibena, Perancangan dan Ukur
Institut Teknologi MARA

Shah Alam.

Mei, 1988

ABSTRAK

Masyarakat sering menganggap bahawa TADIKA (Taman Didikan Kanak-Kanak) merupakan suatu tempat bagi kanak-kanak menerima pendidikan awal sebelum melangkah ke alam persekolahan. Perkara ini tidak dapat dinafikan lebih-lebih lagi jika dilihat akan tujuan sebenar TADIKA diwujudkan.

Namun begitu masyarakat haruslah sedar, selain dari keutamaan terhadap pendidikan, padang permainan yang disediakan juga merupakan elemen yang penting untuk perkembangan fizikal dan sosial kanak-kanak. Dewasa ini, taman permainan khasnya di peringkat tadika kurang menitikberatkan dari segi perkembangan fizikal dan sosial kanak-kanak. Elemen atau peralatan permainan yang disediakan hanyalah sebagai pelengkap untuk suatu taman permainan sahaja. Perkara tersebut lebih dirasakan terutama di pusat-pusat tadika milik persendirian dan adakalanya tiada langsung taman permainan yang disediakan untuk kanak-kanak.

Menurut salah satu kajian yang dibuat oleh United States National Education menunjukkan kanak-kanak di bawah lingkungan umur 5 tahun mengalami perkembangan mental dan fizikal serta pengaruh alam sekitar yang begitu berkesan ke atas tindak-tanduk kanak-kanak.

Oleh yang demikian perancangan tempat permainan kanak-kanak yang menitikberatkan dari segi keselesaan dan keselamatan dengan keadaan peralatan permainan yang sempurna untuk mewujudkan suasana sosial yang baik dan menggalakkan kanak-kanak membesar dari segi perkembangan fizikal perlulah diwujudkan.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmaanirrahim

Syukur kehadiran Illahi ke atas kerjasama yang diterima dari pelbagai pihak dalam membantu menyumbangkan buah fikiran, nasihat serta pelbagai maklumat-maklumat penting dalam melengkapkan kajian ini.

Pertama sekali, setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada penyelia kajian ini iaitu Puan Hafazah bt Abdul Karim yang telah banyak memberi tunjuk ajar, panduan dan bimbingan untuk kajian ini.

Penulis juga ingin merakam ucapan terima kasih kepada individu-individu berikut yang telah menyumbangkan buah fikiran serta pandangan-pandangan ke atas kajian ini iaitu:-

1. YB Datin Asmah
Penyelia TADIKA PERTIWI
Petaling Jaya.
2. Cik Rosmina Hj. Mahani
Pegawai Perpustakaan
TADIKA PERTIWI
Petaling Jaya.
3. Puan Seripah Mokti
Guru Senilukis
TADIKA PERTIWI
Petaling Jaya.

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

ABSTRAK	i
PENGHARGAAN	iii
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI PELAN	xv
SENARAI GAMBARFOTO	xvii
BAB	
1.0 PENGENALAN	1
1.1 Latarbelakang Kawasan Kajian	1
1.2 Kriteria Pemilihan Tajuk	2
1.3 Kriteria Masalah	4
1.4 Kenyataan Masalah	5
1.5 Matlamat Kajian	6
1.5.1 Objektif Kajian	6
1.6 Hipotesis Kajian	7
1.7 Skop Kajian	7
1.8 Proses/Peringkat Kajian	8
1.8.1 Kaedah Kajian	9
1.8.2 Carta Alir Kerja	10
2.0 TEORI DAN PRINSIP TAMAN PERMAINAN KANAK-KANAK TADIKA	11
2.1 Pengenalan Taman Permainan Kanak-Kanak	11